

08 OCT 2003

M'SIA-VC

PROGRAM LATIHAN M'SIA UNIK, KATA PELABUR "ANGEL"

Oleh: M.Saraswathi

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Seorang pelabur "Angel" Dr M.Akram Chowdry, menganggap langkah yang diambil oleh Malaysia dalam melatih rakyatnya untuk memiliki pengetahuan dalam modal teroka (VC) sebagai unik.

"Ia (melatih rakyatnya dalam VC) merupakan langkah yang betul," katanya.

Pelabur "Angel" merujuk kepada individu yang menyokong usahawan-usahawan baru.

Dr Chowdry berkata dalam dua dekad lepas, negara-negara yang paling majupun telah membuka pusat penyelidikan dan pembangunan serta membuat pelaburan VC di Silicon Valley.

Bagaimanapun, kebanyakan negara Islam, ini tidak berlaku dan dengan itu terdapat kekurangan pengalaman dalam mekanisma aktiviti modal teroka, katanya kepada Bernama di luar persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengenai sains dan teknologi yang berlangsung di sini hari ini.

Dr Chowdry berkata mempunyai dana itu sahaja tidak akan membantu mempromosikan aktiviti modal teroka.

Syarikat-syarikat kecil perlu dibantu untuk berada di landasan yang betul kerana jika pelaburan gagal, ia akan menjadi contoh yang tidak baik, katanya.

Beliau berkata itulah sebabnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu apabila "negara mewujudkan (VC) orangnya sendiri perlu dilatih di sana (Silicon Valley)."

Dr M Chowdry berkata pengetahuan yang akan menjana penemuan asas dalam teknologi.

Beliau berkata rakyat Malaysia yang mempunyai pengalaman sendiri akan membawa pengetahuan dan melaksanakan perlaburan modal teroka "Sama seperti orang Amerika dan Korea."

"Ini akan memebri faedah kepada syarikat (Malaysia) dan apabila ia dan ditawarkan kepada awam, orang ramai boleh mendapatkan wang dan ia merupakan kitaran berterusan, satu untuk yang lain," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata India terlepas revolusi pembuatan teknologi tinggi, ia mengambil kesempatan sepenuhnya dalam industri berasaskan pengetahuan.

Beliau berkata tahun lepas, India mengeksport perisian bernilai kira-kira AS\$10 bilion (RM38 bilion).

Bagi Malaysia, negara cepat mengiktiraf ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai enjin pertumbuhan, "jadi ia di landasan yang betul, boleh mengeksport lebih banyak perisian berbanding dengan perkakasan kelak," kata beliau. -- BERNAMA

SM FR NHD